

Penjelasan Dr M gagal jawab persoalan sebenar

BH - 23/10/2021 ml: 16

Bekas PM perlu dedah punca kerajaan PH tak teruskan semakan penghakiman

Oleh Saiful Haizan Hasam
saiful.haizan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, Tun Dr Mahathir Mohamad perlu menjelaskan punca sebenar kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak meneruskan semakan penghakiman Batu Puteh, walaupun terdapat bukti baharu pada pihak Malaysia.

Katanya, jika benar Dr Mahathir yang menjadi Perdana Menteri bermula Mac 2018 hingga Februari 2020 ketika pentadbiran PH dinasihati sekumpulan pakar undang-undang antarabangsa, identiti dan nasihat yang mereka kemukakan dalam konteks penemuan bukti baharu juga perlu didedahkan.

Beliau yang menjadi Menteri Besar Johor pada 2013 hingga 2018, berkata penjelasan panjang lebar Dr Mahathir pada Rabu lalu juga gagal menjawab persoalan sebenar berkenaan Batu Puteh.

"Persoalan sebenar ialah apa sebab kerajaan PH tidak meneruskan semakan terhadap penghakiman Batu Puteh. Benar keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) tidak boleh dirayu, tetapi dengan timbulnya bukti terbaru, satu permohonan semakan dikemukakan Malaysia pada Februari 2017.

"Pada 30 Jun 2017, Malaysia juga mengemukakan permohonan untuk ICJ mentafsirkan penghakimannya pada 2008 mengenai Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. ICJ bersetuju untuk mendengar penghujahan Malaysia dengan memberikan tarikh pendengaran semakan itu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, Mohamed Khaled yang juga Naib Presiden UMNO mempersoalkan adakah Dr Mahathir lupa dua daripada bukti baharu itu adalah dokumen yang hanya boleh diakses selepas 2008 apabila tamat tempoh kerahsiaannya.

Persoalan sebenar ialah apa sebab kerajaan PH tidak meneruskan semakan terhadap penghakiman Batu Puteh



Mohamed Khaled Nordin,
Bekas
Menteri Besar
Johor

Katanya, dokumen pertama menunjukkan pegawai tertinggi Singapura tidak pernah mengangap Batu Puteh sebahagian daripada negara itu, manakala dokumen kedua menunjukkan Tentera Laut British memperakui perairan ketiga-tiga lokasi terbabit adalah perairan dan wilayah Johor.

Beliau berkata, dokumen terakhir pula menunjukkan peta operasi Tentera Laut British menunjukkan sempadan wilayah Singa-

pura tidak termasuk Batu Puteh. "Semua dokumen itu jelas menunjukkan Batu Puteh tidak berada dalam wilayah Singapura. Sewajarnya penemuan bukti material ini memerlukan ICJ memutuskan nilainya terhadap tuntutan Malaysia. Jadi kenapa di sebalik semua bukti baharu ini, kerajaan memutuskan tidak meneruskan proses semakan terbahit," katanya.

Mohamed Khaled berkata, apa yang berlaku menunjukkan kecuaiannya kerajaan PH mempertahankan kedaulatan wilayah Malaysia dan mereka wajar dipertanggungjawabkan atas tindakan culas terbabit.

Rabu lalu, Dr Mahathir menjelaskan, apabila rundingan Malaysia dengan Singapura berhubung Batu Puteh tidak berhasil, kedua-dua negara bersetuju merujuknya kepada ICJ, tetapi untuk tujuan itu, kedua-dua pihak perlu berjanji secara bertulis akan menerima apa saja keputusan dibuat ICJ.

"Tiada rayuan terhadap keputusan ICJ dan keputusannya muktamad," kata Dr Mahathir sambil menambah, negara yang bermaruah perlu menghormati janji dan hanya negara tidak bermaruah memungkir janji.